

Steve Mueller dalam artikelnya The 16 Reasons We Fail in Life menyatakan ada 16 sebab yang menyebabkan manusia gagal dalam hidup.

- 01 Tidak ada disiplin dalam diri. Ini kerana kejayaan menuntut kita memiliki disiplin yang tinggi.
- 02 Tidak tabah menghadapi rintangan. Hanya memiliki bakat dan cerdas tapi tidak disulam dengan ketabahan pasti gagal akhirnya.
- 03 Tiada kesanggupan mencabar arus. Hidup memang mudah kalau ikut arus. Tetapi mereka yang berani cabar arus sahaja akan berjaya mencapai kejayaan.
- 04 Ketiadaan perancangan. Tidak mengapa jika perancangan tidak sempurna. Tetapi kalau masih blur tak tahu secara jelas mahu ke mana pasti berhenti di tengah jalan.
- 05 Takut kegagalan. Takut gagal akan lumpuhkan terus pergerakan kita. Ini kerana untuk tidak gagal jangan buat apa-apa pasti tidak gagal. Untuk berjaya kegagalan adalah temannya.
- 06 Mahu sesuatu kejayaan itu dengan cepat. Bila keputusan selalu menunjukkan gagal maka berhenti untuk melakukannya menjadi pilihan. Kita kena yakin bahawa kejayaan akan mengambil masa.
- 07 Kurang percaya pada kemampuan diri. Bila kepercayaan terhadap kemampuan diri tidak ada, secara psikologi dan emosinya dia akan teragak-agak untuk melengkapkan misi kejayaan.
- 08 Tidak ada sifat merendah diri. Merendah diri membuka ruang orang lain membantu kita. Kita tidak akan berjaya tanpa bantuan sekeliling.
- 09 Suka bagi alasan. Jika awal-awal lagi suka beri alasan, kita telah menggariskan jalan menuju kegagalan. Ini kerana memberi alasan adalah langkah orang yang lari dari kejayaan.
- 10 Enggan mengadakan hubungan dengan banyak pihak. Tidak ada sejarah seseorang yang bergerak sorang diri akan berjaya.
- 11 Condong untuk menyerah kalah. Ini secara automatik akan membawa menuju kegagalan. Menyerah kalah sebenarnya sudah kalah.
- 12 Sukar terima nasihat. Orang gagal paling takut menerima teguran dan kebenaran. Sudah tentu tidak mahu terima nasihat memandu orang itu berada dilandasan kegagalan.
- 13 Enggan belajar dari kesalahan lalu. Bila enggan maknanya akan menyebabkan orang itu terus berada dalam kesalahan dan tidak akan berjumpa jalan kejayaan.
- 14 Gagal untuk mengatasi gangguan. Gangguan mengganggu fokus. Orang tidak fokus mustahil untuk berjaya.
- 15 Suka bertangguh perkara yang wajib disegerakan. Bertangguh menyebabkan masalah terkumpul. Belum dapat selesaikan masalah lalu masalah baru akan datang.
- 16 Tidak mahu ambil tanggungjawab. Dia akan sibuk menuding jari pada pihak lain. Orang yang tidak bertanggungjawab ini jalan keluarnya adalah lari dari kenyataan. Mana mungkin orang begini akan berjaya.

PENGAJARAN

16

Hindari 16 perkara ini untuk berjaya.

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ

“Jangan campurkan haq dengan yang batil”

(al- Baqarah : 42)